



PEJABAT PERDANA MENTERI  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5,  
Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia  
No. Tel: 03-8886 6221  
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

---

**MITRA.100-9/1/1 (23)**

## **KENYATAAN MEDIA PROGRAM PELABURAN DAN KARNIVAL SAHAM DIBUKA MULAI 21 JANUARI 2025**

**PUTRAJAYA, 21 JANUARI 2025** – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah menaja Program Pelaburan dan Karnival Saham bagi tahun 2024/25 dengan kerjasama Bursa Malaysia Berhad sebagai salah satu usaha dalam menaik taraf sosio-ekonomi Masyarakat India. Kerjasama ini bertujuan membina literasi kewangan dan menyediakan latihan kemahiran pelaburan kepada masyarakat Malaysia India yang ingin menceburi industri pelaburan saham dan produk-produk yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Program ini akan dibahagikan kepada dua aktiviti:

### **1. MALAYSIAN INDIAN INVESTMENT PROGRAMME (MIIP)**

*Malaysian Indian Investment Programme (MIIP)* merupakan sebuah program yang dapat memperkasa individu-individu dengan kemahiran pelaburan, supaya mereka memahami mekanisme pasaran saham, dan berupaya mengenal pasti strategi pelaburan yang sesuai berdasarkan matlamat kewangan masing-masing. Dengan bimbingan daripada pakar pelaburan, para peserta dapat menimba ilmu dan membina keyakinan dengan melibatkan diri dalam pelaburan saham.

Kriteria dan pelaksanaan program adalah seperti yang berikut:

- i. Kriteria permohonan:
  - Warganegara Malaysia India yang berumur 18 tahun hingga 40 tahun;
  - Terbuka kepada kategori B40 & M40 (keutamaan kepada B40); dan
  - Kelayakan akademik minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
  
- ii. Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:
  - **Tahap 1 (*Beginner Level*)** selama dua (2) hari kepada **500 peserta** yang terpilih;
  - **300 peserta** terpilih daripada Tahap 1 (*Beginner Level*) akan menghadiri **Tahap 2 (*Intermediate Level*)** selama dua (2) hari; dan
  - **150 peserta** daripada Tahap 2 (*Intermediate Level*) akan turut menghadiri **Tahap 3 (*Advanced Level*)** selama enam (6) hari dan diberi penempatan perkerjaan dalam sektor pelaburan kewangan.

Permohonan *Malaysian Indian Investment Programme (MIIP)* tahun 2024/25 boleh dibuat di pautan <https://forms.gle/qUoe1N54FLDqgha39>. Permohonan ini dibuka mulai 21 Januari 2025 sehingga 21 Februari 2025.

Seramai 500 calon yang memenuhi syarat kelayakan akan dimaklumkan untuk menyertai *Malaysian Indian Investment Programme (MIIP)*. Selewat-lewatnya, senarai peserta yang layak akan dimaklumkan pada akhir bulan Februari 2025.

## **2. KARNIVAL SAHAM**

Karnival Saham merupakan sebuah platform interaktif yang dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan literasi kewangan, strategi pelaburan, pasaran saham dan penipuan kewangan (*scam*). Acara ini akan menghimpunkan pelbagai aktiviti menarik seperti reruai agensi kerajaan, seminar pelaburan, cabutan bertuah serta pertandingan melukis dan mewarna untuk kanak-kanak.

Karnival Saham ini akan dijalankan secara berperingkat di sembilan (9) negeri iaitu Johor, Kedah, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, dan Selangor yang dijangka memberi manfaat kepada 4500 masyarakat Malaysia India.

Karnival pertama akan dilaksanakan pada 15 Februari 2025 (dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang) bertempat di Dewan Beringin, Jalan SG 1/1, Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor.

Sebarang pertanyaan berkenaan Karnival Saham dan Program MIIP 2024/25 boleh menghubungi Bursa atau MITRA melalui talian 03-88711180 atau 03-20347401 bermula dari jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari bekerja atau emel kepada [sek@mitra.gov.my](mailto:sek@mitra.gov.my) atau [ravikumar@bursamalaysia.com](mailto:ravikumar@bursamalaysia.com).

**-TAMAT-**

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA  
PEJABAT PERDANA MENTERI  
21 JANUARI 2025**